

BAB 4

4.1 Pengaruh IT Ke Atas Budaya Hidup Abad Ke-21

Dunia semakin kecil dan langit terbuka luas. Infrastruktur berasaskan teknologi maklumat telah dibina dan penerapan teknologi ini terhadap masyarakat Malaysia sedang giat dijalankan tanpa mengira kos, tenaga atau masa. Menyedari hakikat bahawa kita perlu celik terhadap hal ini, kerajaan sanggup membelanjakan berbilion-bilion ringgit hanya semata-mata mengharapkan pembangunan yang berterusan dan lahir daripada minda masyarakat yang berspiritual murni.

Namun begitu, masih ada segelintir pihak yang belum tersedar daripada tidurnya, sekaligus mempengaruhi kadar celik akan teknologi maklumat. Apabila memperkatakan mengenai celik IT, kita terpaksa mengakui bahawa usaha yang dilakukan oleh kita sendiri, tidak dapat dijalankan seratus peratus. Memang benar bahawa kita memiliki MSC, tetapi adakah MSC dapat memberi jaminan bahawa negara kita dapat menjadi negara berteknologi maklumat sepenuhnya tanpa usaha sendiri masyarakat Malaysia? Sedarlah bahawa kita mempunyai apa yang kita mahu dan kita boleh mencapai apa yang kita hajati. Usaha dan kemahanian menjadi asas manakala semangat MALAYSIA BOLEH menjadi perangsang. Ilusi mampu menjadi realiti.

Alvin Toffler, seorang pakar dalam bidang futuristik telah menyatakan dalam bukunya bernama *Power Shift* bahawa zaman pertanian serta zaman perindustrian yang telah berlanjutan selama beberapa kurun lalu akan tamat dan digantikan dengan zaman maklumat menjelang alaf baru.

Menyedari hakikat ini, banyak negara kini mengalihkan perhatian mereka ke bidang teknologi maklumat dengan mengambil peluang untuk menjadikan industri teknologi maklumat sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai contoh, Singapura telah menetapkan matlamat IT2000 dengan menjadikan Singapura sebagai sebuah Pulau Bistari atau "*Intelligent Island*" menjelang tahun 2000.

Dalam hal ini, Malaysia turut tidak ketinggalan, Projek Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor* atau ringkasannya MSC) telah diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir semasa merasmikan Persidangan Multimedia Asia pada 1hb Ogos 1996. Pengumuman ini secara tidak langsung menunjukkan Malaysia sedang menuju ke arah dunia multimedia dan pada masa yang sama menyediakan diri dalam menghadapi zaman maklumat ini.

Pengaruh IT akan memberi kesan yang amat luas mencorakkan budaya hidup abad ke-21 bukan sahaja ke atas masyarakat maju tetapi juga kepada masyarakat negara membangun. Pengaruh IT yang berkembang pesat akan mencorakkan perubahan dan kemajuan abad ke-21 yang akan memecahkan tembok budaya, politik dan kenegaraan, seterusnya mewujudkan “Dunia Tanpa Sempadan” (*Borderless World*). Dunia budaya manusia yang selama ini disempadani oleh unit-unit budaya dan politik yang terasing di antara satu dengan yang lain akan menjadi semakin dekat dan kehilangan identitinya disebabkan pengaruh baru yang berlaku. Melalui kuasa IT yang dimiliki oleh negara-negara barat, mereka akan mendominasi perkembangan dunia blok membangun yang lemah, kurang berkuasa dan kurang berpengaruh. Walau bagaimanapun IT akan mempengaruhi perkembangan dan perubahan dunia global yang akan memberi kesan yang meluas kepada perubahan ekonomi, politik, kebudayaan, sosial, pendidikan, perubahan dan pengurusan moden.

Kehidupan moden menjelang abad ke-21 amat bergantung kepada IT kerana ia merupakan tamadun hidup yang tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan, perubahan dan pemodenan. IT membawa banyak kebaikan yang boleh dimanfaatkan bagi membaiki dan meningkatkan fitrah hidup manusia. IT dijangka akan membawa revolusi dan mencetuskan perubahan paradigma baru yang cukup berpengaruh dalam pengurusan organisasi di mana maklumat dan operasi organisasi dan misi pengurusan perubahan akan bergantung sepenuhnya kepada IT. Peranan IT mencakupi satu demensi yang luas dan dinamis.

Pengaruh IT juga akan mencorakkan ideologi pengurusan dan pentadbiran yang berpengaruh di negara-negara membangun.

Malaysia begitu komited untuk menjadikan IT sebagai satu cara hidup atau budaya baru masyarakat Malaysia. Dengan penubuhan MSC dan pangkalan maklumat Cyberjaya yang menelan belanja berjuta-juta ringgit, Malaysia akan menjadi negara yang terkehadapan dalam memprojekkan imej sebuah negara IT yang tercanggih di dunia. Ideologi mulai menjadi satu pegangan baru bagi mengubah budaya hidup dalam segala aspek kehidupan moden masyarakat Malaysia. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad begitu komited membentuk “Kerajaan Elektronik” sebagai satu langkah drastik mentransformasikan jentera pengurusan kerajaan dengan menggunakan teknologi canggih IT. MSC dan Cyberjaya yang bertunjangkan pengaruh IT akan berperanan sebagai satu mekanisme pengawalan maklumat dan pengawalan data-data yang penting bagi mencorakkan perubahan dan pembangunan negara. IT dalam konteks ini akan menjadi satu elemen utama bagi mentransformasikan berbagai-bagai aspek pengurusan dan pentadbiran moden untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang abad ke-21 sejajar dengan Wawasan 2020.

MSC dan projek Cyberjaya merupakan kawasan politik Tun Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan untuk membawa Malaysia ke satu era baru dalam perkembangan revolusi industri maklumat yang melibatkan penggunaan teknologi tinggi dan canggih dalam pembangunan teknologi maklumat atau IT.

Revolusi industri maklumat yang serba canggih ini akan membawa perubahan baru kepada perkembangan komunikasi, sistem kewangan dan perbankan, reformasi pendidikan dan latihan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), industri percetakan dan penerbitan, pengeluaran komputer dan berbagai-bagai *software* yang moden lagi canggih.

Penyebaran maklumat melalui IT akan sampai ke mana-mana sahaja. Maklumat sangat penting dalam kehidupan manusia dan ia mempengaruhi perkembangan dan

peluang. Maklumat-maklumat yang mempunyai kepentingan strategik boleh dikesan melalui IT. Ini terpulang bagaimana kebijaksanaan seseorang menggunakan IT sebagai alat mendapatkan maklumat, telahan atau jangkaan. IT juga boleh digunakan bagi menyebarkan maklumat palsu dan bersifat propaganda yang sukar ditangkis dan dibendung. Maklumat-maklumat strategik yang merupakan rahsia sulit dan amat penting boleh diketahui dan disebarluaskan keseluruh dunia melalui internet, emel dan faksimili. Maklumat yang bersifat tomahan, propaganda serta dakyah bagi memburuk-burukkan sesebuah negara, pemimpin dan sebagainya boleh berlaku tanpa sekatan melalui IT. Dengan berlakunya liberalisasi maklumat secara global, maka dasar yang dikenakan oleh sesebuah negara bagi mengetatkan pengaliran maklumat rahsia dan juga tindakan mendakwah seseorang atau pihak tertentu dibawah OSA (*Official Secret Act*) sudah tidak lagi sah dan boleh dipersoalkan dari segi kesahihannya. Walau bagaimanapun kebanyakan negara akan terus mengetatkan pengawalan maklumat-maklumat strategik dan maklumat rahsia daripada terbongkar dengan apa cara sekali pun.

IT membawa perubahan besar dari segi liberalisasi maklumat menyebabkan pengaliran maklumat dan propaganda sukar dibendung. Kegawatan ekonomi, spekulasi, penyebaran ideologi tertentu boleh berlaku dan memberi kesan buruk jika sekiranya IT digunakan bagi tujuan dan dengan motif untuk menghancurkan. Penyebaran maklumat lucah melalui internet menimbulkan keimbangan kepada masyarakat kerana kesan negatif dan destruktif IT kepada golongan sasaran seperti belia dan remaja seperti mana yang berlaku di negara-negara maju. Perspektif negatif mempersoalkan IT sebagai agen penyebaran maklumat palsu. IT boleh mempengaruhi perkembangan intelektual dan melahirkan maklumat baru yang mencabar dunia intelektual, khususnya di kalangan sarjana, saintis, penyelidik, cendekiawan dan usahawan. IT membuka lembaran baru merangsang kepada perkembangan bidang penyelidikan, reka cipta, pengolahan maklumat dan data-data yang mempunyai kepentingan yang sangat besar ke atas kepentingan

strategik dan kepentingan perancangan untuk pengawalan, pencegahan dan perubahan. IT dalam keadaan tertentu mempunyai kuasa inteligen yang sangat berpengaruh mengatasi kuasa penerokan minda manusia yang sedia ada dan menguasai kuasa imaginasi yang sukar ditelah dan di fikirkan pada akal biasa.. Dengan berbantuan keupayaan IT yang serba canggih berbagai-bagai penemuan dan kemajuan yang mengagumkan dicipta dan dihasilkan. IT menjadikan dunia sains dan teknologi semakin berpengaruh, canggih dan berwibawa menerokai dan menjangkaui destinasi perubahan masa depan.

IT boleh menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat madani. Masyarakat yang bermaklumat akan menjadi lebih moden, liberal dan fleksibel kerana pemikiran mereka tidak lagi terkongkong sepeti katak di bawah tempurung. IT dalam erti kata lain boleh menjadi agen perubahan sosial yang dinamik dalam perkembangan masyarakat moden. Selalunya terdapat pertalian yang signifikan di antara perkembangan pendidikan dengan perkembangan IT. Literasi teknologi maklumat di kalangan ahli masyarakat, khususnya literasi komputer jika didapati meningkat pada tahap tinggi, maka ia akan membolehkan satu reformasi maklumat berlaku. Jika terdapat bilangan yang besar di kalangan sesuatu masyarakat yang belum celik komputer, maka tahap perubahan masyarakat yang rendah tidak akan mendorong perubahan sosial yang dinamis dalam masyarakat berkenaan.

4.2 Kelebihan Daya Saing MSC

Evolusi dalam perkembangan telekomunikasi serta multimedia telah menggabungkan kedua-dua industri tersebut. Multimedia merupakan gabungan antara bunyi, data, grafik dan video. Sementara itu, industri telekomunikasi telah membolehkan hubungan jarak jauh didekatkan dengan rangkaian komputer. Masa depan untuk perkembangan industri multimedia serta telekomunikasi bergantung kepada penggabungan kedua-dua teknologi untuk memberikan lebihan daya saingan kepada syarikat yang menjalankan perniagaan strategik.

Adalah dianggarkan bahawa pasaran multimedia akan mencecah angka US\$3.5 trilion menjelang tahun 2002. Ini adalah lebih kurang saiz ekonomi negara USA pada awal tahun 1980an. (Bradley P.Holmes, *Multimedia Global Alliances:Business Opportunities on the Information Highway*, APT Jurnal Jan 1995).

Memandangkan "kek ekonomi" iaitu pembahagian pelbagai sektor bagi industri multimedia adalah terlalu besar untuk mana-mana negara, maka langkah Malaysia mewujudkan MSC untuk turut bersama negara-negara lain dalam pembangunan industri multimedia adalah langkah bijak. Walaupun Malaysia baru menceburi bidang teknologi maklumat secara serius dan terdapat gergasi industri teknologi maklumat di Silicon Valley, California, Amerika Syarikat, tetapi MSC menawarkan beberapa tarikan seperti yang boleh disifatkan sebagai lebihan daya saingan MSC berbanding lokasi lain di dunia .

4.3 Kelebihan Dan Faktor Kejayaan MSC

4.3.1 Kepimpinan kerajaan dalam menjayakan MSC

Ketua Eksekutif Microsoft Corporation, Bill Gates pernah menyatakan bahawa beliau sangat kagum dengan tekad kerajaan Malaysia untuk menjayakan MSC kerana menurut beliau bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir merupakan antara beberapa tokoh kerajaan di dunia ini yang sentiasa mengeluarkan pendapat mengenai kemajuan teknologi maklumat.

Kerajaan telah menujuhkan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan dan Majlis Telekomunikasi Negara untuk menggalakkan pertumbuhan industri teknologi maklumat dan telekomunikasi. Apa yang menarik sekali ialah minat Tun Dr Mahathir sendiri dalam pembangunan industri teknologi maklumat dengan beliau sendiri menjadi Pengerusi bagi kedua-dua majlis tersebut dan Timbalan Pengerusi ialah Timbalan Perdana Menteri.

Sokongan kuat kerajaan MSC dengan menggembangkan tenaga pelbagai agensi kerajaan telah menyediakan atmosfera pelaburan yang menarik perhatian syarikat gergasi teknologi maklumat untuk melabur di MSC.

Lawatan Tun Dr Mahathir ke USA pada pertengahan Januari 1997 untuk mempromosi MSC kepada syarikat di USA telah berjaya menarik minat ramai syarikat gergasi teknologi maklumat. Pada lawatan itu, satu Panel Penasihat Antarabangsa yang terdiri daripada 30 orang tokoh teknologi maklumat telah ditubuhkan untuk bertindak sebagai forum pertukaran pendapat terhadap kejayaan MSC. Penubuhan Panel Penasihat tersebut sebenarnya satu langkah awal yang bagus terhadap merealisasikan impian MSC.

4.3.2 Lokasi MSC

MSC terletak dalam rantau Asia Pasifik yang merupakan rantau yang paling pesat membangun dalam konteks pembangunan ekonomik. Tambahan pula, industri teknologi maklumat negara-negara Asia Pasifik masih dalam peringkat permulaan. Maka , syarikat teknologi maklumat di negara maju dapat menggunakan MSC sebagai batu loncatan untuk menebusi pasaran Asia Pasifik.

4.3.3 Kemudahan infrastruktur telekomunikasi

Memandangkan MSC dibangunkan di tempat yang baru yang sebelum ini merupakan kawasan luar bandar maka soal menggantikan infrastruktur telekomunikasi yang lama tidak timbul. Dengan ini, MSC dapat secara terus menggunakan teknologi terkini untuk perhubungan rangkaian.

4.3.4 Jaminan dari kerajaan

Kerajaan Malaysia telah menggariskan Rang Jaminan (*Bill of Guarantees*) dengan menyakinkan pelabur asing di MSC bahawa pelaburan mereka dapat mendapat pulangan maksimum.

* Antaranya kerajaan telah menyatakan bahawa *Multimedia Development Corporation* (MDC) akan dijadikan pusat "one-stop" untuk syarikat yang melabur di MSC apabila ingin berurus dengan kerajaan. Dengan ini, wujudnya MDC dapat menjimatkan masa syarikat MSC.

4.3.5 Sokongan infrastruktur yang mencukupi

Lokasi MSC adalah dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang akan siap sepenuhnya pada tahun 1998. KLIA dihubungkan dengan semua ibu kota di seluruh dunia.

Kedudukan MSC yang dekat dengan Pelabuhan Kelang yang merupakan pelabuhan utama di Malaysia.

Di samping itu, MSC dihubungkan dengan laluan keretapi serta Lebuhraya Utara-Selatan ke destinasi utama di seluruh Semenanjung Malaysia.

4.3.6 Insentif kewangan

Seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 1997 pada Oktober 1996 bahawa pelbagai insentif telah disediakan khas untuk menggalakkan pertumbuhan MSC. Antaranya termasuk:

- (a) Pengecualian cukai syarikat selama 5 tahun (boleh dilanjutkan hingga 10 tahun) kepada syarikat yang didaftarkan di bawah MSC.
- (b) Pengecualian cukai terhadap pembelian perkakasan multimedia
- (c) Syarikat MSC dibenarkan untuk mengambil pekerja asing dengan tanpa syarat kawalan yang ketat.

Dengan insentif tersebut, MSC mampu menarik minat syarikat gergasi teknologi maklumat untuk melabur.

4.3.7 Sokongan infrastruktur kewangan

Semasa pembentangan Belanjawan 1997, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengutarakan saranan untuk memperkenalkan pasaran OTC (*over-the-counter market*) di Bursa Saham Kuala Lumpur. Penubuhan pasaran OTC tersebut adalah bertujuan untuk membantu syarikat teknologi maklumat untuk mendapatkan modal pelaburan. Adalah dijangkakan bahawa garis panduan untuk pasaran OTC ini akan disiapkan pada 18 Februari 1997. (Rozani Sani, New Straits Times, 13

Januari 1997) dan dijangka akan mulai beroperasi pada hujung tahun 1997 (Alex Yong, The Star, 14 Januari 1997).

Penubuhan pasaran OTC ini dipandang sebagai satu faktor berjaya kritikal (*critical success factor*) terhadap pembangunan industri teknologi maklumat tempatan. Dengan wujudnya pasaran OTC, syarikat teknologi maklumat baru yang tidak mempunyai rekod perniagaan tetapi menjanjikan potensi besar untuk pembangunan masa depan akan dapat mengumpul modal melalui penyenaraian di pasaran OTC.

Pasaran OTC yang bakal ditubuhkan akan mengambil pengalaman dari pasaran Nasdaq (*National Association of Securities Dealers*) yang menjalankan perniagaan saham secara OTC di Amerika Syarikat. Kejayaan Nasdaq dalam menyokong industri teknologi maklumat di Silicon Valley, California, Amerika Syarikat akan dijadi panduan oleh Pasaran OTC Malaysia untuk menyokong industri teknologi maklumat di MSC.

4.3.8 Sumber tenaga manusia

Malaysia mempunyai sumber tenaga manusia yang mahir dalam bidang teknologi maklumat. Taraf pendidikan yang tinggi serta kos sumber manusia yang murah merupakan satu aset penting Malaysia untuk menarik minat pelaburan asing ke MSC.

4.3.9 Budaya rakyat Malaysia yang kaya

Kebolehan rakyat Malaysia berkomunikasi dalam pelbagai bahasa khasnya Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin ini menawarkan kelebihan untuk berurusniaga dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik.

Seperti yang dinyatakan oleh Tun Dr Mahathir kepada industri perfileman semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat pada pertengahan bulan Januari 1997 bahawa tiada tempat lain (melainkan MSC) yang boleh menghubungkan kreativiti menakjubkan dengan melahirkan hiburan digital yang relevan kepada negara-negara Asia. Hakikat bahawa kepelbagaian budaya di Malaysia menjadi satu kelebihan daya saing jika pusat hiburan digital dunia yang bercirikan pelbagai budaya didirikan di MSC.

MSC menawarkan satu pakej insentif kepada pelabur asing dengan itu berdaya saing di peringkat antarabangsa untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain untuk menerokai bidang pembangunan teknologi maklumat.

4.4 Cabaran Yang Dihadapi Oleh MSC

Idea MSC nampaknya menarik dan sekiranya berjaya dilaksanakan dalam perancangan akan mentransformasikan taraf ekonomi negara kepada [redacted] berdasarkan pembangunan teknologi maklumat.

MSC tidak harus meniru bulat-bulat atau "cut-and-paste" model Silicon Valley, California, Amerika Syarikat. Apa yang penting ialah mengambil pertimbangan keunikan sosial, politik dan pembangunan [redacted] Malaysia. Dengan itu barulah bersesuaian dengan keperluan kita. Beberapa manfaat yang diperolehi harus dilimpahkan ke seluruh negara dan bukan hanya kepada MSC sahaja. Antara cabaran yang dihadapi oleh projek MSC ini adalah [redacted]

4.4.1 Cabaran kes cetak rompak perisian

[redacted] Semasa bertemu dengan CEO Microsoft Corporation, Bill Gates dengan Tun Dr Mahathir [redacted] Gates telah mengemukakan isu cetak rompak perisian yang berlaku [redacted] berleluasa di Malaysia. Sebenarnya, sekiranya keadaan cetak rompak perisian tidak dikawal, maka syarikat-syarikat pembangunan perisian [redacted] MSC [redacted] berfikir dua kali sebelum menyertai MSC. Ini memandangkan bahawa, ikatto [redacted] angan terhadap pelaburan bagi syarikat pembangunan perisian akan merosot akibat cetak rompak perisian.

Cetak rompak perisian di Malaysia akan dapat dikawal dengan lebih rapi dengan penguatkuasaan *Intellectual Property Protection Act* yang dibentang di Parlimen pada Mac 1997. Memandangkan penubuhan MSC dengan datangnya pelabur yang membangunkan perisian, penguatkuasaan undang-undang ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk mempertahankan kepentingan pelaburan syarikat-syarikat asing ini. Akta tersebut akan meliputi Hakcipta Intelektual yang

akan dilaksanakan merentasi negara (*cross-country ownership of intellectual property*) (Nur Aida Mustafa, New Straits Times, 10 Oktober 1996).

4.4.2 Saingan dengan pesaing lain

MSC Malaysia terpaksa bersaing dengan pusat kajian ternama di seluruh dunia seperti Silicon Valley di California dan pusat di Massachusetts. Isu yang paling kritikal bagi MSC ialah bagaimana kita dapat menyakinkan syarikat antarabangsa untuk melabur di sini dan juga menggalakkan syarikat antarabangsa untuk melaksanakan usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di Malaysia.

4.4.3 Kesan limpahan MSC

Sungguhpun projek MSC hanya tertumpu di sekitar dari Kuala Lumpur ke Sepang, namun menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, ia akan diperkembangkan ke negeri yang lain termasuk juga Malaysia Timur pada masa akan datang. Beliau menegaskan bahawa pembangunan MSC akan menjadi tidak bermakna sekiranya apa yang diketengahkan dapat diserap sehingga ke New York tetapi sebaliknya kawasan Sabah dan Sarawak diketepikan (Nan Yang Shang Pao, 23 Disember 1996).

Adalah tidak bermakna sekiranya kejayaan MSC mewujudkan segolongan elit yang kaya maklumat (*information rich*) dengan menggunakan Lebuhraya Maklumat sementara golongan majoriti rakyat masih miskin maklumat (*information poor*) yang masih menggunakan Jalan Kampung Maklumat. Dengan itu, faedah MSC harus disalurkan seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Sebagai misalannya, dalam kesungguhan kita berbicara terhadap "*smart school*" tetapi masih terdapat 1273 buah sekolah rendah di Malaysia yang masih

tiada bekalan elektrik dan masih tiada sambungan rangkaian di kebanyakan maktab perguruan di seluruh Malaysia.

4.4.4 Terlalu banyak fokus kepada syarikat asing

Dalam dunia perniagaan, faktor perkiraan ialah *Return On Investment*. Syarikat antarabangsa tidak mengenal sempadan negara. Maka mereka akan berpindah ke mana sahaja yang dapat memberi peluang terbesar kepada negara. Dengan itu, MSC harus membuka ruang yang besar kepada pertumbuhan syarikat tempatan. Walaupun kita mempunyai perisian tempatan yang berpotensi seperti Nalinam (Pemproses perkataan Bahasa Tamil) serta Vbuster (*virus scanner*), seolah-olah perisian ini dipinggirkan.

4.4.5 Darjah keterbukaan dasar budaya negara

Menurut Michael Porter, salah satu faktor daya saingan sesebuah negara ialah nilai serta budaya kebangsaan. Satu daripada idea yang akan dilaksanakan di MSC ialah mempelawa industri perfileman di Hollywood untuk membuka studio multimedia di Malaysia. Adalah menjadi satu tanda tanya bagaimana idea ini dapat dijayakan sekiranya pengajuran konsert Michael Jackson terpaksa melalui pelbagai rintangan (walaupun akhirnya diberi kebenaran) serta filem "*Schindler's List*" diharamkan.

4.4.6 Hal perundangan siber

Untuk melindungi pelaburan syarikat gergasi antarabangsa di MSC, beberapa akta berkenaan siber telah digariskan oleh kerajaan. Antaranya ialah *Intellectual Property Protection Act, Digital Signature Act dan Computer Crime Act*. Memandangkan bahawa ini merupakan kali pertama Malaysia menggariskan

undang-undang siber, maka masalah teknikal telah timbul sehingga draf undang-undagan siber yang sepatutnya dijangka dibentang di Parlimen pada persidangan bulan Disember 1996 untuk perdebatan telah ditunda ke bulan Mac 1997.

Oleh kerana undang-undang siber merupakan sesuatu yang agak baru, maka kecaburan dalam perkara perundangan mungkin timbul yang akan merugikan para pelabur.

4.4.7 Kekurangan sumber manusia yang mahir

Walaupun terdapat ratusan siswa dan siswi lulusan teknologi maklumat yang memasuki pasaran kerja setiap tahun, tetapi angka tersebut jauh daripada mencukupi untuk menjayakan projek MSC sepenuhnya. Kerajaan telah mengambil langkah menambah bilangan kemasukan pelajar teknologi maklumat serta meluluskan permohonan kolej serta universiti swasta untuk menghasilkan lebih ramai lulusan teknologi maklumat. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya negara mengalami kekurangan sumber tenaga manusia yang mahir dalam bidang IT

Sekiranya masalah kekurangan sumber manusia yang mahir ini tidak dapat diatasi, dijangkakan pasaran kerja akan menjadi ketat dan akibatnya ialah kos sumber manusia menjadi terlalu mahal dan daya saingan MSC akan berkurangan.

4.5 Kesan Positif Dan Negatif Kewujudan MSC

Penubuhan MSC sememangnya banyak mendatangkan beberapa kesan yang ketara tidak kira sama ada kesan positif mahupun kesan negatif. Antara kesan yang timbul akibat dari penubuhan MSC ini ialah:

4.5.1 Keperluan untuk celik maklumat

Dalam era maklumat, celik maklumat adalah amat penting untuk membolehkan seseorang bersaing dalam dunia perdagangan dan pasaran pekerjaan. Kecelikan maklumat amat penting tidak kira seseorang itu bekerja di rumah atau di pejabat. Orang yang mempunyai kemahiran internet akan mendapat maklumat yang lebih banyak berbanding dengan mereka yang tidak mendapat pendedahan yang banyak tentang kemajuan internet, mengetahui lebih banyak isu semasa, dan dapat mencari maklumat dengan lebih cepat berbanding dengan orang berpendidikan tinggi tetapi kurang kemahiran menguasai internet. Namun kecelikan maklumat juga memerlukan pemikiran kritikal. Tanpanya seseorang tidak dapat menilai kualiti maklumat yang diperolehi daripada rangkaian maklumat.

Selain itu, untuk hidup dalam zaman teknologi maklumat, jika seseorang tidak ingin dilihat sebagai seorang yang ketinggalan zaman maka seseorang perlu celik maklumat dan mempunyai kemahiran asas sekurang-kurangnya untuk mengikuti perkembangan semasa. Bayangkanlah betapa tidak sesuai sekiranya seseorang cuba bersaing dalam dunia perdagangan pada tahun 2020 dengan menggunakan komputer Pentium 3 (diubah daripada Robins, 1987).

Oleh itu, golongan surirumah juga adalah sasaran dalam usaha mewujudkan masyarakat yang celik IT. Pelbagai usaha dilakukan di bandar dan luar bandar agar golongan ini terus tidak terpinggir dari arus kepesatan pembangunan IT

4.5.2 Pengetahuan dan tanpa pengetahuan

Terdapat ramalan yang mengatakan bahawa perkembangan teknologi maklumat akan membolehkan maklumat dan kemudahan komputer yang bernilai diwujudkan secara global. Ini dikatakan akan memanfaatkan kepentingan masyarakat kerana ia akan meningkatkan keupayaan penduduk dalam memahami, mempengaruhi dan mencabar tindakan dan dasar kerajaan serta badan-badan besar yang mempunyai pengaruh ke atas kehidupan mereka (Laver, 1989).

Tidak dapat dinafikan bahawa rangkaian teknologi maklumat akan mengukuhkan hubungan yang mengikat individu kepada masyarakat. Namun ia juga boleh dilihat sebagai pemisah di antara golongan celik maklumat serta golongan tidak celik maklumat. Jurang tersebut boleh digiatkan dengan suntikan teknologi maklumat secara mendadak. Malangnya, mereka yang tidak celik maklumat biasanya adalah golongan miskin dan kurang pendidikan. Oleh itu golongan merekalah yang sebenarnya memerlukan suntikan teknologi maklumat secara mendadak dan seterusnya mengecapi segala faedah yang boleh dibawa oleh teknologi maklumat.

4.5.3 Cetak rompak

Dengan kebebasan aliran maklumat dalam rangkaian maklumat, aktiviti cetak rompak atau salin tanpa kebenaran akan berleluasa. Contohnya yang nyata adalah pelajar universiti atau kolej yang mempunyai akses kepada internet.

Bayangkan satu senario yang melibatkan seorang pelajar yang terpaksa menghantar tugas pada keesokan harinya. Pada pukul 4.00 pagi, pelajar tersebut mendapati dia tidak sempat menghabiskan tugas tersebut. Namun begitu, secara kebetulan pelajar tersebut terjumpa satu esei yang sesuai dengan tema tugasannya melalui internet, tiada cetakan hakcipta dalam esei tersebut. Nampaknya pengarang

sengaja menggalakkan percetakan. Ini akan mendorong pelajar tersebut menyimpan esei tersebut dan kemudian membuat pengubahsuaian tertentu untuk mengubah wajahnya, kemudian dia menghantar tugas tersebut dan menganggap itu adalah hasilnya (Meyer, 1999).

4.5.4 Penggunaan surat elektronik

Walaupun pengguna surat elektronik mempunyai kebebasan teks dalam surat tersebut, sebenarnya pembekal perkhidmatan Internet mempunyai akses ke atas setiap surat tersebut. Mereka akan menyimpan salinan surat tersebut sekurang-kurangnya enam bulan, walaupun surat tersebut dibuang daripada fail atau komputer (Meyer, 1999). Ini mengurangkan '*privacy*' berbanding dengan cara konvensional. Justeru itu, segala maklumat sulit seperti kata rahsia atau kod yang penting tidak sesuai dimasukkan ke dalam surat elektronik.

Di samping itu, penggunaan pelbagai surat elektronik dewasa ini tidak mengenakan sebarang bayaran. Contohnya *yahoo mail*, *mail excite*, *American express*, *mail city*, *alta vista mail*, *hotmail* dan sebagainya telah menarik pengguna yang ramai. Namun begitu, pergantungan kepada surat elektronik akan mengurangkan kepentingan persuratan konvensional kecuali melibatkan persuratan rasmi atau penghantaran barang-barang.

Apabila pihak yang menguruskan surat elektronik mengenakan bayaran pada suatu hari nanti (apabila pergantungan kepadanya tinggi) maka wujudlah isu di kalangan penggunanya. Namun surat elektronik menjamin penghantaran yang jauh lebih cepat dan jimat kos serta tenaga. Kelemahannya adalah kadar '*privacy*' yang tidak begitu tinggi namun seseorang boleh berhujah bahawa persuratan konvesional mengalami risiko kehilangan surat serta pecah amanah yang sama tinggi. Justeru itu, masyarakatlah yang perlu menilai cara mana yang lebih menyenangkan.

4.5.5 Internet: tempat penjanaan kebencian dan jenayah

Dengan wujudnya rangkaian *World Wide Web (WWW)*, individu dan organisasi boleh memaparkan sebarang maklumat dengan senang. Namun sekiranya ini digunakan untuk tujuan yang tidak baik maka ia akan membawa pengaruh yang negatif terhadap kehidupan bandar. Contohnya, pengeboman di bandar Oklahoma dipercayai hasil sebaran maklumat melalui internet (Meyer, 1999).

Merujuk kepada konteks Malaysia, terdapat banyak maklumat berdasarkan kebencian berterangan dalam rangkaian internet. Kesemuanya ditujukan kepada sesetengah pemimpin negara. Gejala sedemikian berupaya menjanakan kebencian dan kekeliruan di kalangan pengguna internet yang mempercayai terus maklumat yang diperolehi. Ini boleh mencetuskan kekacauan di dalam bandar dan mengancam keselamatan serta ketenteraman bandar. Rusuhan-rusuhan telah berlaku beberapa bulan lalu di sekitar Kuala Lumpur dan ini berpotensi dicetuskan selagi masyarakat tidak mempunyai pemikiran kritikal untuk menilai kesahihan maklumat tersebut.

Selain itu, internet juga membawa maklumat-maklumat lucu yang boleh menjanakan masalah sosial terutamanya jenayah. Rangkaian internet boleh juga menjadi saluran tidak sihat untuk melakukan jenayah. Merujuk kepada pengalaman Singapura, tahun ini, lima gadis dan seorang wanita telah dirogol oleh "kawan" yang mereka kenali melalui internet atau telefon (Star, 1999). Singapura merupakan satu negara pengguna internet yang tinggi disebabkan dasar kerajaannya untuk menggalakkan kecelikan komputer bagi menghadapi kemajuan abad ke-21.

Justeru itu, dalam ucapan Perdana Menterinya pada 3-7-1998 di dalam Mesyuarat Menteri APEC yang Ketiga untuk telekomunikasi dan industri maklumat, beliau telah menyarankan ancaman pengaruh Barat melalui teknologi maklumat (Arun, 1999).

4.5.6 Keselamatan

Dengan pergantungan kepada teknologi maklumat, adalah sukar untuk suatu masyarakat berpatah balik. Ini adalah kerana teknologi maklumat akan menyebabkan perubahan yang besar ke atas aspek sosial, ekonomi, fizikal dan juga politik (diubah daripada Star, 1 Julai 1999). Namun masalah boleh timbul daripada teknologi maklumat sendiri. Kegagalan sistem boleh berlaku melalui kerosakan fizikal peralatan, ralat data atau 'bugs' perisian misalnya Y2K. Kegagalan tersebut boleh membawa kerugian yang besar kepada masyarakat terutamanya apabila pemindahan modal yang besar sedang berlangsung.

Justeru itu, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun mempunyai stesen janakuasa yang pelbagai sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan ancaman tersebut (Laver, 1989). Namun begitu, keadaan di Malaysia adalah jauh berbeza, kita terlalu bergantung kepada beberapa stesen janakuasa utama tanpa memikirkan kepentingan kepelbagaiannya. Dengan itu, kerugian yang besar dijangkakan akan berlaku sekiranya timbul sebarang masalah ke atas stesen janakuasa yang akan menjaskan pembekalan elektrik yang diperlukan untuk perjalanan teknologi maklumat.

Usaha negara dalam memperkenalkan tenaga alternatif juga kurang nyata. Dengan itu, ia menambahkan lagi risiko kerugian apabila Koridor Raya Multimedia dilancarkan.

4.6 Menilai MSC

Tarikh 16 Januari 1997 merupakan hari bersejarah dalam arena teknologi maklumat Malaysia apabila Panel Penasihat Antarabangsa bertemu di Stanford University, California, USA untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan MSC.

Antara ahli dalam Panel Penasihat Antarabangsa ini ialah Bill Gates (CEO Microsoft), James Barksdale (CEO Netscape), Stan Shih (CEO Acer), Louis Gerstner (CEO IBM). Kebanyakan ahli-ahli panel merupakan ketua eksekutif bagi syarikat gergasi teknologi maklumat serta orang perseorangan yang banyak menyumbang idea dalam pembangunan era maklumat seperti Alvin Toffler serta Kehichi Ohmae.

Persidangan tersebut merupakan julung-julung kali dalam sejarah industri teknologi maklumat yang dapat mengumpulkan begitu ramai "Kapten Industri". Semua ini atas tarikan yang ditawarkan oleh MSC dan kerajaan Malaysia.

Antara syarikat yang telah mula menjadi syarikat MSC ialah Syarikat Sun Malaysia yang mendapat kelulusan dari MDC pada 4 November 96. Syarikat Ernst and Young turut mengumumkan bahawa syarikat tersebut akan mendirikan pusat latihan di MSC. Menurut MDC, terdapat 12 syarikat yang akan dijangka diluluskan menyertai MSC menjelang akhir tahun 1996 (Chan Lee Meng , The Star, 5 November 96).

• Sambutan terhadap penubuhan MSC nampaknya menggalakkan. Walau bagaimanapun, ini hanyalah satu permulaan awal. Menanti di depan ialah pelbagai rintangan yang bakal ditempuhi. Sekiranya MSC berjaya dilaksanakan, ia akan membawa Malaysia ke era maklumat dan seterusnya merelisasikan impian wawasan 2020.

Sejak adanya MSC, Malaysia telah dilihat sebagai penggerak inisiatif IT di rantau sebelah sini dan sebuah paradigma ekonomi digital baru. Malah dengan rangkakerja yang lengkap dan teratur segalanya kelihatan jelas dan nyata bagi semua penduduk dunia tentang apa itu MSC.

E-dagang dan berita berasaskan Internet muncul hampir setiap hari di dada-dada akbar. Malah anjakan itu telah berubah kepada sebuah semangat yang membara terutamanya di seluruh Asia. Selain daripada MSC terdapat inisiatif lain yang serupa iaitu *Singapore One* dan *Hong Kong Digital Port*. Dengan itu terdapat pelbagai peluang di Asia terutamanya untuk memainkan peranan utama dalam ekonomi digital.

Nampaknya anjakan dan semangat sahaja tidak mencukupi kerana persoalannya adakah minda rakyat Malaysia bersedia untuk menerima dan mencapai paradigma baru itu. Terdapat ramai individu yang berkata tentang era maklumat tetapi tidak benar-benar faham apa yang sedang berlaku dan bagaimana hendak melakukannya. Ini berlaku terutamanya di kalangan ahli politik negara ini. Adalah sedih untuk melihat wawasan IT tersebut dicemari oleh ketidakfahaman wawasan itu sendiri.

Kemudian Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ada menyatakan yang ia akan melesenkan tapak Web dan Rang Jaminan MSC juga ada menyatakan tidak akan menapis kandungan web. Pelesenan laman Web adalah suatu yang tidak boleh dilakukan kerana dunia web adalah sebuah dunia yang terbuka dan ia dibina tanpa prejedis dan bebas daripada segala halangan. Namun begitu kebebasan web juga hendaklah ada kekangannya kerana tidak semua kandungan itu bersesuaian dengan norma dan etika hidup sesuatu masyarakat. Walaupun etika penggunaan internet dan penekanan moral di dalam internet tetapi ia merupakan suatu tugas yang rumit dan lambat.